

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

RMK 251 - Undang-Undang 1

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Ahmad adalah seorang yang kuat merokok. Syarikat Ubat Rejab telah pada bulan Oktober 1991 menyiarkan iklan dalam majalah 'Kesihatan dan Anda' seperti berikut:-

"Tidak boleh berhenti merokok? Pakar-pakar Ubat Rejab telah berjaya mengeluarkan sejenis bahan yang dapat menghilangkan keinginan merokok yang dinamakan Zat X. Ubat Rejab berjanji akan membayar \$2000/- kepada sesiapa yang masih ketagihan rokok selepas mengambil Zat X mengikut arahan selama 3 bulan".

"Hanya untuk \$90 anda akan bebas dari bayaran rokok".

Pada 1-11-90 Ahmad telah membeli Zat X atas nasihat kawannya dan serta merta mula mengambil Zat X menurut arahan. Ahmad sama sekali tidak mengetahui tentang iklan tersebut.

Pada 15-12-90, sebuah iklan disiarkan di majalah yang sama seperti berikut:-

"Ubat Rejab telah dimaklumkan oleh pakar penyelidikannya yang Zat X walaupun berkesan bagi kebanyakan pengguna, adalah tidak mujarab bagi sebahagian kecil pengguna yang merupakan perokok kuat. Dengan itu, Ubat Rejab tidak lagi akan melayan apa-apa permohonan di masa hadapan untuk bayaran \$2000/- seperti yang dikelaskan sebelum ini".

...2/-

Ahmad tidak membaca iklan kedua ini. Selepas habis mengambil Zat X, Ahmad dapat ketagihannya tidak diubati dan ingin membuat tuntutan ke atas Ubar Rejab.

Nasihatkan Ahmad.

(20 markah)

2. Melalui surat pada bulan April 1990, Ipoh Sendirian Berhad bersetuju menjual kepada Bagus Sendirian Berhad 50 buah basikal dengan harga \$200 sebuah. Perjanjian ini dibuat tertakluk kepada kedai baru Bagus di Pulau Tikus siap untuk penghuniaan pada 1-2-91.

Pada bulan Januari, Bagus telah menerima tawaran dari Pemborong Jaya bagi barang yang setanding dengan harga \$150 sebuah. Lantaran itu, Bagus memberitahu Ipoh yang kedai tidak akan siap pada 1-2-91.

Ipoh mempunyai bukti yang Bagus telah mengarah pekerja-pekerjaannya melengahkan kerja-kerja menyiapkan kedai. Ipoh berkeras yang Bagus mesti menerima basikal-basikal tersebut tetapi dinafikan oleh Bagus. Akhirnya Bagus memberitahu Ipoh yang dia sedia menerima basikal-basikal seperti yang dijanjikan jika Ipoh mengurangkan harga jualan ke \$150 sebuah.

Oleh kerana Ipoh kesempitan modal, dia bersetuju. Bagus membatalkan pembelian basikal dari pihak ketiga dan terus menyediakan kedai di Pulau Tikus siap untuk menerima hantaran basikal dari Ipoh.

Nasihatkan Ipoh berkenaan hak-haknya.

(20 markah)

...3/-

3. Loh bersetuju bekerja sebagai penasihat dengan Tan dengan balasan gaji \$2000/- sebulan dari May hingga December 1991. Kerja utama Loh adalah untuk membaca 5 majalah utama berkenaan pembangunan dan perumahan serta membuat laporan tentang teknik-teknik terbaru kepada Tan selewat-lewatnya pada akhir minggu pertama setiap bulan.

Pada 10-6-91, Loh telah menghantar laporan pertamanya kepada Tan. Pada 7-7-91 Loh menghantar laporan berkenaan 4 dari 5 majalah yang perlu dibacanya.

Pada 6-8-91 Loh telah gagal melaporkan suatu teknik penting yang disiarkan di muka akhir salah satu daripada majalah tersebut.

Tan kemudiannya memberhentikan Loh tanpa apa-apa bayaran. Loh tidak bekerja selama baki tahun 1991 walaupun telah ditawarkan kerja oleh Khalid dengan gaji sebanyak \$1500/- sebulan.

Nasihatkan Loh berkenaan tuntutannya ke atas Tan.

(20 markah)

4. Syarikat Salim telah selama 2 tahun yang lepas menggunakan servis Pengangkutan Ratnam Sendirian Berhad untuk menghantar barangannya. Di atas setiap invois Ratnam yang diberikan kepada Salim selepas setiap pengangkutan, terdapat seperti berikut:-

- (a) Perkataan "pengangkutan" bererti Ratnam pekerja, egen dan pemberong kecil kepada Ratnam.
- (b) Pengangkutan tidak bertanggungjawab keatas segala kehilangan atau salah hantar atau kerosakan terhadap barang yang diangkut.
- (c) Pengangkutan berkontrak atas nama pengangkutan dan sebagai egen dan pemegang amanah kepada pemberong-pemberong kecil.

Ah Kau, seorang tuan punya lori dan pemberong kecil kepada Ratnam telah tanpa berhati-hati mengakibatkan kerosakan terhadap barang Salim.

Nasihatkan Salim tentang haknya dalam tuntutannya terhadap Ratnam dan Ah Kau.

(20 markah)

...4/-

5. Dara menerima jemputan Kumar untuk bersiar menaiki motosikal baru Kumar walaupun Dara tahun yang Kumar hanya mempunyai lesen nemandu pelajar.

Dalam perjalanan ke Batu Feringghi, Kumar telah melanggar kaki bukit yang mengakibatkan Dara tercedera parah di kepalanya. Kecederaan ini bertambah teruk disebabkan kelemahan tengkorak Dara akibat suatu kemalangan di masa persekolahan lagi. Kecederaan ini mengakibatkan daya bekerja Dara berkurangan 50%. Lim, seorang pemandu yang sedang melewati kawasan itu telah menolong menghantar Dara dan Kumar ke hospital.

Dalam perjalanan ke hospital, kereta Lim terlibat dalam kemalangan dengan sebuah van di atas kesalahan pemandu van. Malangnya pemandu van itu melarikan diri dan tidak dapat dikesan. Dara sekarang mengalami kecederaan tulang belakang yang mengakibatkan Dara kehilangan kebolehan bekerja 100%. Akibat ini akan berlaku sama ada Dara tercedera di kepalanya atau tidak.

Dara ingin membuat tuntutan terhadap Kumar. Nasihatkan Dara.

(20 markah)

-oooo0ooo-